



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN PERTAMA 2024

KDNK Malaysia terus berkembang 4.2 peratus pada suku tahun pertama 2024

PUTRAJAYA, 17 Mei 2024 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun pertama 2024 berkembang 4.2 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku tahun keempat 2023. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat 1.4 peratus (ST4 2023: -1.0%) pada suku tahun ini. Prestasi ekonomi bulanan masing-masing meningkat sebanyak 4.8 peratus dan 5.0 peratus untuk Januari dan Februari, sebelum bertumbuh perlahan kepada 2.9 peratus pada bulan Mac 2024. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam siaran KDNK bagi Suku Tahun Pertama 2024 pada hari ini.

Pertumbuhan ekonomi untuk suku tahun ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan isi rumah yang tinggi, disokong oleh keadaan pasaran buruh yang stabil dan kadar pengangguran yang rendah. Musim perayaan dan permulaan sesi persekolahan 2024 antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah, di samping pembayaran Insentif Awal Kajian Semula Sistem Saran Perkhidmatan Awam kepada semua penjawat awam dan Sumbangan Tunai Rahmah pada awal tahun ini. Selain daripada itu, bilangan ketibaan pelancong yang tinggi pada suku tahun ini juga telah meningkatkan aktiviti berkaitan pelancongan. Prestasi ekonomi pada suku tahun ini juga disumbangkan oleh pembangunan projek berskala besar dan pelaburan dalam pusat data serta penambahbaikan tempoh permohonan kemasukan pekerja asing bagi menampung keperluan permintaan pekerja khususnya di sektor perladangan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Sektor Perkhidmatan memacu prestasi keseluruhan dan sektor Pembuatan menunjukkan peningkatan selepas mencatatkan penurunan pada suku tahun sebelumnya. Selain itu, Perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah dan Pembentukan modal tetap kasar terus memacu pertumbuhan pada suku tahun ini."

Beliau menambah, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 4.7 peratus (ST4 2023: 4.1%) pada suku tahun pertama 2024. Prestasi yang memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (3.8%) dan Pengangkutan & penyimpanan (11.0%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.2 peratus (ST4 2023: -1.1%)."

Sektor **Pembuatan** meningkat 1.9 peratus pada suku ini selepas mencatatkan penurunan 0.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh industri yang berorientasikan domestik terutamanya pembuatan Produk mineral bukan logam, logam asas, dan produk logam yang direka (7.2%) manakala industri berorientasikan eksport seperti produk Petroleum, bahan kimia, getah & plastik (1.1%) pulih pada suku tahun ini. Walau bagaimanapun, pembuatan Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan merosot sebanyak 0.4 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat 2.4 peratus (ST4 2023: -2.0%).

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik iaitu 5.7 peratus selepas mencatatkan kenaikan sebanyak 3.5 peratus pada suku tahun keempat 2023. Peningkatan ini disokong oleh semua subsektor, terutamanya subsektor Gas asli yang berkembang 9.0 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini menurun 1.4 peratus (ST4 2023: 2.5%).

Sektor **Pertanian** bertumbuh 1.6 peratus pada suku tahun pertama 2024 (ST4 2023: 1.9%) dipacu oleh subsektor Kelapa sawit dan Ternakan. Selain itu, subsektor Perikanan laut, Getah, dan Pertanian lain juga menunjukkan peningkatan pada suku ini. Walau bagaimanapun, subsektor Akuakultur dan Perhutanan & pembalakan terus merosot pada suku tahun pertama 2024. Sektor ini menyusut sebanyak 0.8 peratus (ST4 2023: 2.4%) bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Sektor **Pembinaan** mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 11.9 peratus (ST4 2023: 3.6%). Peningkatan ini disokong oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti Pembinaan khas dengan pertumbuhan masing-masing sebanyak 23.5 peratus dan 11.4 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini mencatatkan peningkatan 7.9 peratus (ST4 2023: -3.5%).

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa "**Penggunaan akhir swasta atau perbelanjaan isi rumah**, yang menyumbang 61.9 peratus kepada KDNK, berkembang 4.7 peratus (ST4 2023: 4.2%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan dalam Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (7.5%), Makanan & minuman bukan alkohol (4.0%) dan Pengangkutan (6.4%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan mencatatkan peningkatan 1.8 peratus (ST4 2023: -1.0%)."

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap, berkembang sebanyak 9.6 peratus (ST4 2023: 6.4%) pada suku tahun pertama 2024. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Struktur (10.7%), Jentera & peralatan (9.2%) dan Aset lain (4.6%). Selain itu, PMTK mengikut sektor meningkat dalam kedua-dua sektor Awam dan Swasta pada suku tahun ini. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan peningkatan 2.8 peratus (ST4 2023: 1.0%).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Mei 2024

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan bertumbuh sebanyak 7.3 peratus (ST4 2023: 5.8%), didorong oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasaran musim suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan menurun 0.7 peratus (ST4 2023: 0.3%).

Beliau juga menyebut bahawa "Kedua-dua **Eksport** dan **Import** masing-masing meningkat sebanyak 5.2 peratus (ST4 2023: -7.9%) dan 8.0 peratus (ST4 2023: -2.6%), selepas mencatatkan pertumbuhan negatif pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh permintaan luar yang lebih baik. Oleh itu, **Eksport bersih** mencatatkan negatif yang lebih rendah sebanyak 24.5 peratus berbanding penurunan 52.9 peratus pada suku tahun sebelumnya."

Selain pengumuman hari ini, DOSM turut menerbitkan laporan tahunan KDNK bagi tahun 2023 yang merangkumi semakan semula data KDNK bagi tahun 2021, 2022, dan 2023 masing-masing pada 3.3 peratus, 8.9 peratus dan 3.6 peratus. Semakan semula adalah berdasarkan pengemaskinian laporan tahunan Syarikat yang dikemaskini, Survei Pertubuhan Tahunan (AES) 2021, Banci Ekonomi 2022 (BE 2022) serta data sekunder daripada agensi yang berkaitan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
17 MEI 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Mei 2024


LAMPIRAN 1

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2021 – ST1 2024 dan 2019 – 2023**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 2000 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2021-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Mei 2024

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST4 2023 & ST1 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST4 2023 & ST1 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Januari – Mac 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Mei 2024

**Carta 7: KDNK Pelarasan Musim
(Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST1 2019 – ST1 2024**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2020 – ST1 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 17 Mei 2024

Carta 9: Perbandingan KDNK dengan Negara Terpilih

KDNK Kadar Pertumbuhan YoY (%)	2022	2023	2022				2023				2024 ST1
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	
NEGARA ASEAN											
 Malaysia	8.9	3.6	5.1	8.9	14.4	7.4	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2
 Singapura	3.8	1.1	4.2	4.6	4.2	2.4	0.5	0.5	1.0	2.2	2.7
 Indonesia	5.3	5.1	5.0	5.5	5.7	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1
 Filipina	7.6	5.5	8.1	7.5	7.7	7.1	6.4	4.3	6.0	5.5	5.7
NEGARA LAIN											
 Amerika Syarikat	1.9	2.5	3.6	1.9	1.7	0.7	1.7	2.4	2.9	3.1	3.0
 Kesatuan Eropah	3.5	0.4	5.6	4.2	2.6	1.8	1.2	0.6	0.1	0.2	0.5
 Sepanyol	5.8	2.5	6.8	7.2	5.4	3.8	4.0	2.0	1.9	2.1	2.4
 Itali	4.0	0.9	6.6	5.3	2.8	1.9	2.2	0.6	0.6	0.7	0.6
 Perancis	2.5	0.7	4.3	3.8	1.4	0.7	0.8	1.1	0.7	0.8	1.1
 United Kingdom	4.3	0.1	11.4	3.9	2.1	0.6	0.3	0.2	0.2	-0.2	0.2
 Republik Rakyat China	3.0	5.2	4.8	0.4	3.9	2.9	4.5	6.3	4.9	5.2	5.3
 Republik Korea	2.6	1.4	3.1	2.9	3.2	1.4	0.9	0.9	1.4	2.2	3.4

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FIRST QUARTER OF 2024

Malaysia's GDP continued to expand 4.2 per cent in the first quarter of 2024

PUTRAJAYA, 17 May 2024 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the first quarter of 2024 grew by 4.2 per cent as compared to 2.9 per cent in the fourth quarter of 2023. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP increased by 1.4 per cent (Q4 2023: -1.0%) in this quarter. The monthly economic performance grew at 4.8 per cent and 5.0 per cent for January and February, respectively, before slowing down to 2.9 per cent in March 2024. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of GDP for the First Quarter of 2024.

The economic growth for this quarter was driven by higher household consumption expenditures, supported by stable labour market conditions and a low unemployment rate. Festive seasons and the beginning of the 2024 school sessions are the factors that contributed to the increase in household spending, along with the disbursement of the Early Incentives Payment of the Public Service Remuneration System Review to all civil servants and the Sumbangan Tunai Rahmah early this year. Furthermore, the increased in the number of tourist arrivals in this quarter also boosted tourism-related activities. The economic performance in this quarter was also contributed by the development of large-scale projects and the investment in data centres, as well as the improvement of the application period for foreign workers entry to cater for labour demand especially in the plantation sector.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The Services sector steered the overall performance, as well as the Manufacturing sector, which showed an expansion after recording a decline in the previous quarter. Furthermore, Household final consumption expenditure and Gross fixed capital formation continued to propel growth in this quarter.”

He added, “In terms of sectoral performance, the **Services** sector expanded by 4.7 per cent (Q4 2023: 4.1%) in the first quarter of 2024. The favourable performance was contributed by the Wholesale & retail trade (3.8%) and Transportation & storage (11.0%) sub-sectors. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector increased 1.2 per cent (Q4 2023: -1.1%).”

The **Manufacturing** sector increased by 1.9 per cent this quarter after recording a contraction of 0.3 per cent in the previous quarter. The growth was driven by domestic oriented industries, mainly the manufacturing of Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products (7.2%), while export oriented industries such as Petroleum, chemical, rubber & plastic products (1.1%) rebounded in this quarter. However, the manufacturing of Vegetable and animal oils & fats decreased by 0.4 per cent. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector increased by 2.4 per cent (Q4 2023: -2.0%).

The **Mining & quarrying** sector showed better growth of 5.7 per cent after recording a rise of 3.5 per cent in the fourth quarter of 2023. The increase was backed by all sub-sectors, primarily the Natural gas sub-sector which expanded 9.0 per cent. On quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector decreased 1.4 per cent (Q4 2023: 2.5%).

The **Agriculture** sector grew by 1.6 per cent in the first quarter of 2024 (Q4 2023: 1.9%) led by Oil palm and Livestock sub-sectors. Besides that, Marine fishing, Rubber and Other agriculture sub-sectors also showed an increase in this quarter. However, the Aquaculture and Forestry & logging sub-sectors continued to decline in the first quarter of 2024. This sector shrank 0.8 per cent (Q4 2023: 2.4%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted.

The **Construction** sector registered an encouraging growth of 11.9 per cent (Q4 2023: 3.6%). The expansion was backed by the Civil engineering and Specialised construction activities sub-sectors with growth of 23.5 per cent and 11.4 per cent, respectively. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector recorded an increase of 7.9 per cent (Q4 2023: -3.5%).

Commenting further, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption or household expenditure**, which contributed 61.9 per cent to GDP, grew 4.7 per cent (Q4 2023: 4.2%) backed by higher expenditure in the Housing, water, electricity, gas & other fuels (7.5%), Food & non-alcoholic beverages (4.0%) and Transport (6.4%). On quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall performance posted an increase of 1.8 per cent (Q4 2023: -1.0%).”

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment in fixed assets, grew by 9.6 per cent (Q4 2023: 6.4%) in the first quarter of 2024. The performance of GFCF was contributed by Structure (10.7%), Machinery & equipment (9.2%) and Other assets (4.6%). Furthermore, GFCF by sector increased in both Public and Private sectors in this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the GFCF registered an increase of 2.8 per cent (Q4 2023: 1.0%).

Government final consumption expenditure grew by 7.3 per cent (Q4 2023: 5.8%), led by higher spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure decreased by 0.7 per cent (Q4 2023: 0.3%).

He also mentioned that “Both **Exports** and **Imports** increased by 5.2 per cent (Q4 2023: -7.9%) and 8.0 per cent (Q4 2023: -2.6%), respectively after recording negative growth in the previous quarter attributed by better external demand. Thus, **Net exports** registered a lower negative of 24.5 per cent as compared to a decrease of 52.9 per cent in the preceding quarter.”

In addition to today’s release, DOSM also published the annual GDP report for the year 2023 which encompasses the revision of GDP data for the year 2021, 2022 and 2023 at 3.3 per cent, 8.9 per cent and 3.6 per cent, respectively. The revision is based on the updates of the company’s annual reports, the Annual Establishments Survey (AES) 2021, the Economic Census 2022, as well as secondary data from the relevant agencies.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
17 MAY 2024**


APPENDIX

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2021 – Q1 2024 and 2019 – 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Annual GDP Growth, 2000 – 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth, 2021 – 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q4 2023 & Q1 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q4 2023 & Q1 2024






Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, January – March 2024




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 7: Seasonally Adjusted GDP
(Percentage Change from Preceding Quarter), Q1 2019 – Q1 2024**



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 8: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2020 – Q1 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 9: GDP Performance for Selected Countries

GDP Growth Rate YoY (%)	2022	2023	2022				2023				2024
			Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	
ASEAN COUNTRIES											
 Malaysia	8.9	3.6	5.1	8.9	14.4	7.4	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2
 Singapore	3.8	1.1	4.2	4.6	4.2	2.4	0.5	0.5	1.0	2.2	2.7
 Indonesia	5.3	5.1	5.0	5.5	5.7	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1
 Philippines	7.6	5.5	8.1	7.5	7.7	7.1	6.4	4.3	6.0	5.5	5.7
OTHER COUNTRIES											
 United States of America	1.9	2.5	3.6	1.9	1.7	0.7	1.7	2.4	2.9	3.1	3.0
 European Union	3.5	0.4	5.6	4.2	2.6	1.8	1.2	0.6	0.1	0.2	0.5
 Spain	5.8	2.5	6.8	7.2	5.4	3.8	4.0	2.0	1.9	2.1	2.4
 Italy	4.0	0.9	6.6	5.3	2.8	1.9	2.2	0.6	0.6	0.7	0.6
 France	2.5	0.7	4.3	3.8	1.4	0.7	0.8	1.1	0.7	0.8	1.1
 United Kingdom	4.3	0.1	11.4	3.9	2.1	0.6	0.3	0.2	0.2	-0.2	0.2
 People's Republic of China	3.0	5.2	4.8	0.4	3.9	2.9	4.5	6.3	4.9	5.2	5.3
 Republic of Korea	2.6	1.4	3.1	2.9	3.2	1.4	0.9	0.9	1.4	2.2	3.4

Source: Official website of Selected National Statistical Office